

# Buletin Info Pintar

ISSN : 1675-990 | BILANGAN 2 | 2013 Mei - September



**PENASIHAT**

*NOOR HIDAYAT ADNAN*

**KETUA PENYELARAS**

*FARIDAH TALIB*

**KETUA EDITOR**

*JAMALLUDIN SULAIMAN  
KHASIAH ZAKARIA*

**EDITOR PENERBITAN ELEKTRONIK**

*AHMAD FAIZAR JAAFAR*

**EDITOR PENERBITAN BERCETAK**

*NIK LOKMAN NIK ISMAIL*

**GRAFIK & REKA LETAK**

*ZAWAWI HUSSAIN*

**JURUFOTO**

*ROSTINAH MUJIR*

**PERCETAKAN**

*PUSAT PERCETAKAN UiTM*

**BERITA KORPORAT**

*SITI SALWA A. RAHMAN*

**GERAKAN KUALITI PTAR**

*AZNUR UMIZA*

**PERANCANGAN STRATEGIK**

*AZIZI JANTAN*

**LATIHAN & PENYELIDIKAN**

*FARLEEN AZRINA ZAMBERI*

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
PELANGGAN & MEDIA**

*SHAHIDATUL AKHMAM RAMBELI*

**BAHAGIAN PENGURUSAN  
PERPUSTAKAAN DIGITAL**

*MOHD ALFARABIE MOHD NASIR*

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
AKADEMIK**

*SITI ROHAYU MOHD YUSOF*

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
RUJUKAN**

*SITI AISHAH SADAN*

**BAHAGIAN PENGURUSAN REPOSITORI  
INSTITUSI & IMBANGAN BAHAN, BAHAGIAN  
KATALOG DAN KELAS, BAHAGIAN PEROLEHAN  
BAHAN, BAHAGIAN JURNAL DAN  
PANGKALAN DATA**

*ABDUL RAZAK ABD RAHMAN*

**PERPUSTAKAAN PENGURUSAN  
PERNIAGAAN TUN ABDUL RAZAK**

*NUR RABITA ROUZAN*

**PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG  
TUN ABDUL RAZAK**

*SYAAKIRAH ABD. KHALID*

**PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN  
TUN ABDUL RAZAK**

*AHMAD NAZRI JAAFAR*

**PERPUSTAKAAN ALAM BINA**

*MOHAMAD MASRUM ABAS*

**PERPUSTAKAAN FLOOD CONTROL  
RESEARCH CENTER**

*AHMAD AMIRI MOHAMAD*

**PERPUSTAKAAN PERUBATAN**

*SHAHRANI ABDUL MANAF*

**PERPUSTAKAAN INTEC**

*MARZATUL AZNA MOHAMAD NOR*

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
PUNCAK ALAM & PUNCAK PERDANA**

*NUR AZIAN AZIZ*

Sebarang sumbangan artikel, berita atau rencana mengenai pengurusan maklumat dan keilmuan, sila hantarkan penulisan anda kepada:

**Bahagian Penerbitan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
40450 UiTM Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Emel : siti\_salwa@salam.uitm.edu.my**



Alhamdulillah bersyukur kepada Allah SWT dengan izinNya, E-Buletin kembali menemui pembaca dengan beberapa berita menarik yang berlaku sepanjang Mei hingga September 2013 yang lalu untuk dikongsi bersama. Keluaran kali ini menampilkan aktiviti-aktiviti utama yang dianjurkan oleh PTAR antaranya Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013 di Hotel Mahkota, Melaka pada 25-27 Ogos.

Seminar kebangsaan tersebut mendapat penyertaan memberangsangkan dari institusi awam, swasta dan individu. Pengisian seminar tersebut mendapat reaksi positif daripada para peserta terutama dari segi penambahbaikan perpustakaan serta topik penceramah jemputan yang menepati perkembangan semasa. PTAR selaku tuan rumah berharap seminar anjuran Jawatankuasa Perpustakaan Tetap Akademik 2012/2014 akan diteruskan sebagai platform terbaik menemukan para profesional dalam bidang perpustakaan serta pusat sumber maklumat.

Selain itu, Program Ilmu Mengubah Destini 2013 telah malabuhkan tirai dengan berakhirnya Majlis Kemuncak program tersebut di Balik Pulau, Pulau Pinang pada September yang lalu. Diharap sumbangan tenaga dan kepakaran warga PTAR dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh warga Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh.

Sehubungan itu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua warga Perpustakaan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga maklumat yang disiarkan ini akan menjadi bahan rujukan bagi pengguna perpustakaan demi kelangsungan ilmu dan pengetahuan. Pihak kami sedia menerima teguran, cadangan dan komen bernas dari semua pihak demi penambahbaikan berterusan penerbitan PTAR.



Syukur kepada Ilahi kerana dengan izinNya E-Buletin berjaya diterbitkan buat kali ke 2 pada tahun ini. Pada kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan setinggi tahniah dan terima kasih kepada warga perpustakaan yang telah berusaha sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan pelbagai aktiviti dan bengkel sepanjang Mei hingga September 2013.

Ini termasuklah Kelas Kemahiran Maklumat (KKM), *Online Databases for Trainers* serta bengkel-bengkel anjuran PTAR. PTAR juga berbesar hati menerima beberapa lawatan dari institusi serta sekolah-sekolah yang ingin melihat proses kerja, perkhidmatan pelanggan dan keseluruhan perpustakaan. Bagaimanapun, perjuangan masih belum selesai. Masih banyak aktiviti bakal berlangsung untuk kebaikan pengguna perpustakaan.

Antaranya penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan terutama kepada pelajar siswazah, pasca siswazah, pensyarah dan felo penyelidik. Maka, perpustakaan memainkan peranan penting sebagai usaha memenuhi keperluan penyelidikan dan pembelajaran. Ini termasuklah koleksi digital seperti pangkalan data dalam talian yang mengandungi jurnal elektronik, *e-books* dan sebagainya. Pada masa yang sama, kekuatan koleksi tradisi masih perlu dimantapkan dengan bahan terkini selaras dengan perkembangan bidang pendidikan dan penyelidikan di universiti.

Keluaran kali ini juga menampilkan pelbagai berita dan aktiviti terkini anjuran perpustakaan, lawatan dari luar dan berita bergambar. Tahun 2013 menyaksikan pelbagai aktiviti telah berlangsung dan semakin hebat apabila menghampiri penghujung tahun. Jaga kesihatan dan keselamatan diri dan keluarga. Semoga kita semua sentiasa di bawah lindungan yang Maha Esa.

# Kandungan

## Berita Utama

Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013 [ms02-05](#)

IMD 2013 PTAR Meneruskan Legasi Membangunkan Pusat Sumber [ms06-08](#)

Bengkel Pengkatalogan & Pengkelasan Untuk Guru Pusat Sumber Sekolah Di Pulau Pinang [ms09](#)

## Aktiviti PTAR

Konvensyen Kumpulan Pelaksana Perpustakaan Uitm (PUITM) 2013 [ms10-11](#)

Majlis Perjumpaan Pegawai Perhubungan Perpustakaan 2013 [ms12](#)

"Food Retail And Innovation 2013" Ekspresi Gabungan Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan [ms14](#)

Fakulti Kejuruteraan Kimia - Destini Untuk Program Library Outreach [ms15](#)

Meraikan Staf Bersara, Staf Baru dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Sukan Perpustakaan IPTA [ms16](#)

Program Perkongsian Maklumat 'How To Publish In IOP Journals' [ms17](#)

Latihan Industri Dari Universitas Indonesia [ms18](#)

Lawatan Kerja Politeknik Sultan Salahuddin Abd. Aziz Shah (PSA) [ms19](#)

Lawatan Sambil Belajar Ke PTAR Sepanjang April 2013 – Julai 2013 [ms21-22](#)

Citation Management With Endnotes X6 and Mendeley [ms24](#)

**Lensa**  [ms20](#)

 **Artikel Pilihan**

Stress [ms25-26](#)

# Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013 Menepati Agenda dalam Mentransformasikan Perpustakaan di Alaf Baru

oleh Nik Lokman Nik Ismail



Kelangsungan seminar yang dianjurkan ini telah mendapat perhatian daripada **Timbalan Menteri Kewangan Malaysia, Datuk Haji Ahmad Haji Maslan** yang mengatakan “Wajah baharu perpustakaan perlu dilakukan segera dalam usaha meningkatkan skop perkhidmatan, penyelidikan, teknologi berkomputer dan maklumat (ICT) serta inovasi” ketika beliau dijemput untuk merasmikan majlis seminar tersebut baru-baru ini.

Malah Yang Berhormat Timbalan Menteri turut menyatakan bahawa **kementerian beliau akan turut membantu menyalurkan peruntukan kewangan supaya hasrat memastikan perpustakaan menjadi lokasi mendapatkan maklumat dapat direalisasikan.** Transformasi yang diwar-warkan ini bukan hanya terhad dari sudut prasarana dan peralatannya sahaja malah turut membabitkan sama pustakawan itu sendiri.

Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013 yang bertemakan **“Transformasi Perpustakaan dan Perubahan Budaya : Peranan Pustakawan”** telahpun melabuhkan tirainya. Dalam perancangan yang mengambil masa hampir lapan bulan iaitu semenjak bermulanya mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik (JTPA) kali yang pertama pada Disember 2012 hinggalah ke pengakhiran mesyuarat pada bulan Ogos 2013 akhirnya program yang dirancangkan ini berjalan dengan jayanya.

Peranan Pustakawan dan Perpustakaan pada masa kini dilihat banyak mengalami perubahan dalam penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan bermutu bagi memenuhi kehendak pelanggan. Melihat kepada perkembangan perpustakaan sebagai pusat kecermelangan yang berperanan besar dalam aspek pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan, maka pustakawan perlu mempertingkatkan profesionalisme mereka melalui penggunaan pelbagai maklumat yang terkini dan relevan.



**Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013 yang telah diadakan pada 25 hingga 27 Ogos 2013 di Mahkota Hotel, Melaka adalah bertujuan untuk :**

- **Menyediakan platform kepada seluruh profesion pustakawan untuk penyebaran maklumat, strategi dan pengalaman dalam mencapai kecermelangan perkhidmatan perpustakaan.**
- **Membina, memperluas dan memperkasa jaringan pustakawan serta kolaborasi perpustakaan seluruh Malaysia.**
- **Perkongsian sebagai amalan terbaik perpustakaan yang boleh dilaksanakan dalam peningkatan mutu perkhidmatan dan pengurusan.**
- **Membudayakan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pustakawan**

Penganjuran seminar dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) ini menjadi medan penyertaan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) buat julung kalinya dilantik sebagai peneraju di dalam mengendalikan seminar ini. Penyertaan daripada perpustakaan Institusi Pendidikan Awam yang menganggotai ahli jawatankuasa seminar turut menambahkan lagi kelancaran penganjuran seminar ini. Antara perpustakaan IPTA yang turut terlibat di dalam menjayakan seminar Kebangsaan ini adalah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan penyertaan tunggal daripada IPTS iaitu Management & Science University (MSU).

**“Sehubungan itu, saya meminta seluruh perpustakaan memberi pandangan dan cadangan untuk membantu kerajaan menjadikan perpustakaan lebih menarik sekali gus dapat menarik minat rakyat berkunjung”**

**Datuk Haji Ahmad Haji Maslan**  
Timbalan Menteri Kewangan Malaysia

Seminar Kebangsaan akademik 2013 ini adalah seminar kali yang kedua untuk tempoh setiap dua tahun sekali. Seminar Kebangsaan yang pertama sebelum ini diadakan di salah sebuah hotel di Kota Bharu pada tahun 2011 yang menyaksikan Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai peneraju.

**Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik 2012/2014 yang juga merupakan Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan menyatakan bahawa seminar yang diadakan ini adalah merupakan platform bagi pustakawan, ahli akademik, pengurus maklumat dan pelajar untuk berkongsi pelbagai maklumat penting dalam transformasi perkhidmatan perpustakaan di negara ini.** Malah beliau turut menekankan agar pengisian seminar ini akan dapat dimanfaatkan oleh para pustakawan dan pengurus maklumat untuk diterjemahkan di institusi-institusi masing-masing demi penambahbaikan yang lebih berkesan. Tambahnya lagi melalui seminar ini, beberapa pembentang utama yang dijemput khas



dan juga pembentang-pembentang kertas kerja daripada pelbagai institusi merupakan medan terbaik untuk mendengar hujah, saranan, pandangan dan cadangan daripada pelbagai sudut perspektif yang mampu membuka kejumudan minda para pustakawan agar bergerak selari dengan perubahan keperluan pengguna, dimensi persekitaran dan dunia maklumat di alaf baru. Menurut Encik Noor Hidayat Adnan lagi, apa yang lebih penting adalah detik permulaan bagi warga pustakawan untuk mentransformasikan diri, jabatan dan institusi itu sendiri agar profesion pustakawan diiktiraf dan disanjung oleh masyarakat sebagai agen utama dalam penyaluran maklumat.



Di dalam seminar yang dianjurkan oleh JTPA ini terdapat empat pembentang utama dijemput antaranya ialah:



1. Tan Sri Muhammad Ali Hashim (Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia) yang membicarakan tentang “Bisnes satu perjuangan bermakna”.
2. YM Dato’ Profesor Haji Dr. Raja Abdullah Raja Yaacob (Profesor Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM) yang membawa topik “*Preserving the Endangered Knowledge through the Management of Oral History and Special Collections*”.
3. Tuan Sayed Munawar Sayed Mustar (Pengacara, Setiausaha Majlis Buku Malaysia dan Presiden Majlis Kontraktor Buku Malaysia) melalui ceramah “*Ekonomi Perbukuan Demi Kesuburan Ilmu*”.
4. Profesor Madya Dr Ridhuan Tee Abdullah (Ketua Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Pengajian Pengurusan Pertahanan UPNM) dengan komentarnya yang bertajuk “*Transformasi Perpustakaan daripada Perspektif Islam*”.

Seminar tiga hari yang dianjurkan ini telah berjaya menarik minat 26 pembentang-pembentang kertas kerja daripada pelbagai institusi pendidikan dan bukan pendidikan samada dari sektor kerajaan mahupun swasta. Begitu juga dengan 14 buah pembentangan poster. Kemeriahan program keilmuan yang diadakan ini menjadi bertambah seri dengan kehadiran penaja-penaja yang turut menyediakan pelbagai gerai maklumat khusus untuk menguar-uarkan teknologi dan sistem terbaru yang boleh diaplikasikan sesuai dengan perkembangan teknologi dan dunia alaf baru ini. Terdapat 10 syarikat

penaja telah membabitkan diri di dalam program seminar kebangsaan ini. Antaranya ialah **Lexis Nexis, VTLS, 3M, Elektrik Library, Emerald, Cambridge, Access Dunia, Refrex, SWETS dan Universe Digital Library.**



Imbas QR Code ini untuk album penuh

## IMD 2013 PTAR MENERUSKAN LEGASI MEMBANGUNKAN PUSAT SUMBER DI SEKOLAH LUAR BANDAR

oleh Nik Lokman Nik Ismail



**Balik Pulau** – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM, Shah Alam dengan kerjasama Perpustakaan UiTM Pulau Pinang UiTM melalui program Ilmu Mengubah Destini 2013 (IMD) membuktikan legasi membantu anak-anak Bumiputera di Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh, Pulau Pinang di dalam meningkatkan pendidikan dan ilmu pengetahuan diteruskan melalui pembangunan pusat sumber di sekolah berkenaan. Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr Hilmi bin Haji Yahaya berkata, penganjuran program seumpama ini mencerminkan bahawa pihak pengurusan UiTM mempunyai komitmen yang tinggi dalam menjayakan tanggungjawab sosial demi membantu mereka yang kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di UiTM.

**“Penganjuran program seumpama ini mencerminkan bahawa pihak pengurusan UiTM mempunyai komitmen yang tinggi dalam menjayakan tanggungjawab sosial demi membantu mereka yang kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di UiTM.”**

**Dato' Seri Dr Hilmi bin Haji Yahaya  
Timbalan Menteri Kesihatan**



Katanya lagi **usaha murni ini dilihat amat wajar bagi meningkatkan kesedaran dan memberi pendedahan kepada para pelajar di luar bandar terhadap peluang dan kepentingan melanjutkan pelajaran agar dapat memperbaiki taraf kehidupan dan mengubah nasib diri dan keluarga di masa yang akan datang.**

**“Pelbagai usaha telah digembeleng oleh semua pihak termasuk kerajaan, swasta mahupun pertubuhan bukan kerajaan dalam membantu golongan yang berpendapatan rendah agar tidak ketinggalan dalam arus pemodenan negara. Pelbagai akses maklumat dan kemudahan pendidikan juga disediakan kepada rakyat.**

**Malah agenda merakatkan ilmu juga penting dalam memastikan setiap rakyat tanpa mengira latar belakang mendapat pendidikan terbaik dan berada pada tahap tertinggi. Aspek penyediaan persekitaran yang kondusif juga perlu dititikberatkan dalam memastikan keselesaan pembelajaran”.**



Beliau berkata demikian ketika merasmikan acara Majlis Kemuncak Program Ilmu Mengubah Destini Anak Bangsa (IMD 2013) yang dianjurkan oleh perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM dan Perpustakaan UiTM Pulau Pinang dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan negeri Pulau Pinang di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh di sini baru-baru ini.

Sementara itu menurut Rektor UiTM Pulau Pinang, Profesor Madya Mohd Zaki Abdullah yang mewakili Naib Canselor UiTM menyifatkan bahawa **pembangunan dan penggunaan pusat sumber yang diubahsuai dan diperkemaskan dengan bahan-bahan bacaannya mampu memberi semangat kepada individu untuk mencintai ilmu pengetahuan, berfikir dengan kreatif serta membina keinginan pembelajaran sepanjang hayat.**

**“Bersempena dengan program IMD ini, Perpustakaan Tun Abdul Razak telahpun menyediakan satu program yang diberikan nama “Library Make-Over” khusus untuk membantu menaiktaraf prasarana serta membuat penambahan koleksi buku-buku pembacaan di pusat sumber tersebut agar dapat memberikan keselesaan, kemudahan dan keseronokan kepada para pelajar untuk menelaah ilmu di sekolah”** ujarnya.





Dalam pada itu, Mohd Zaki berkata dengan adanya transformasi pusat sumber yang diusahakan ini mampu meningkatkan kualiti pengurusan pusat sumber sekolah selaras dengan piawaian kepustakawanan sejagat di samping menyokong sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Ketua Pustakawan UiTM, Noor Hidayat Adnan yang turut hadir di majlis tersebut turut memberitahu bahawa Program Ilmu Mengubah Destini (IMD) yang diadakan ini adalah merupakankali yang ketiga Perpustakaan UiTM menganjurkannya. IMD sebelum ini telahpun diadakan di SMK Jengka 24, pada 2010 dan SMK Pasir Gudang, Johor Bharu pada tahun 2011. Menurut beliau penganjuran aktiviti IMD 2013 di Pulau Pinang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bengkel Pengkatalogan dan Pengkelasan bagi guru pusat sumber seluruh Pulau Pinang dan pemilihan Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh, Balik Pulau sebagai sekolah angkat untuk pembangunan pusat sumber. Sementara itu Ketua Pustakawan UiTM menegaskan bahawa pihak perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam telahpun menyediakan bahan rujukan yang bernilai RM30,000 dan 2 unit TV Plasma bagi memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pusat sumber di SMK Pondok Upeh tersebut.



**“Untuk pembangunan pusat sumber di SMK Pondok Upeh, pihak pengurusan perpustakaan UiTM telah mengatur pelbagai program antaranya yang paling utama adalah *Library Make-Over* di mana usaha menaiktarafkan pusat sumber dilakukan seperti mengecat ruangan dalaman, susun atur perabot, menaiktaraf pintu masuk dan pemasangan tanda arah yang tepat. Turut diadakan juga adalah ceramah motivasi, pameran, kuiz dan program galakan membaca di kalangan pelajar tingkatan 3 dan 4”.**

**Noor Hidayat Adnan**  
Ketua Pustakawan UiTM



Imbas QR Code ini untuk album penuh

# Bengkel Pengkatalogan & Pengkelasan Untuk Guru Pusat Sumber Sekolah Menengah Seluruh Pulau Pinang

oleh Mohamad Hamidi Mohd Jais

**Pulau Pinang, 5 Julai** – Satu bengkel pengkatalogan dan pengkelasan untuk Guru Pusat Sumber Sekolah Menengah seluruh Pulau Pinang telah diadakan di Hydro Hotel baru-baru ini. Bengkel anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan Perpustakaan UiTM, Pulau Pinang ini adalah merupakan salah satu program yang termasuk di dalam program Perpustakaan UiTM yang diberikan nama Ilmu Mengubah Destini Anak Bangsa (IMD). Penganjuran bengkel ini adalah bertujuan untuk memberikan penumpuan khusus untuk membantu guru-guru pusat sumber dalam memberikan pendedahan dan membangunkan pusat sumber di sekolah masing-masing.



Program yang dianjurkan ini turut mendapat kerjasama daripada Bahagian Teknologi Pendidikan Pulau Pinang dan ianya telah berjaya menarik minat 130 orang guru daripada pelbagai sekolah di seluruh Pulau Pinang. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari ini telah dirasmikan oleh wakil Naib Canselor UiTM iaitu Yang Berbahagia Prof. Madya Mohd Zaki Abdullah, Rektor Universiti Teknologi MARA, UiTM cawangan Pulau Pinang. Turut menghadiri bengkel ini di dalam upacara perasmian ialah Encik Noor Hidayat Adnan, Ketua Pustakawan UiTM di samping beberapa orang tetamu kehormat yang lain.



Bengkel yang diadakan ini juga membuktikan keperihatinan pihak pengurusan perpustakaan UiTM di dalam menyumbang kepakaran, pengalaman, keilmuan dan bantuan kepada pusat sumber di sekolah menengah agar dapat menimbulkan semangat budaya membaca dan mencintai ilmu pengetahuan.

Imbas QR Code ini untuk album penuh



# KONVENSYEN KUMPULAN PELAKSANA PEPRPUSTAKAAN UiTM ( PUiTM ) 2013

oleh Jamalludin Sulaiman



Konvensyen ini telah bermula dari 22 April sehingga 25 April 2013 bertempat di Pusat Latihan UiTM Kampung Gajah Perak Darul Ridzwan. Konvensyen ini merupakan salah satu daripada perancangan pengurusan Perpustakaan Tun Abdul Razak khususnya bagi kumpulan pelaksana melibatkan diri secara langsung dengan pengurusan Perpustakaan. Ini juga adalah kesinambungan daripada Program *Teambuilding* Kumpulan Pelaksana yang telah diadakan pada tahun lalu.

Konvensyen ini dengan bertemakan **“Ke arah Universiti Penyelidikan : Peranan Kumpulan Pelaksana”** bermatlamat memberikan input-input utama dalam memantapkan peranan dan pengetahuan kumpulan pelaksana sebagai persediaan Universiti ke arah sebuah Universiti Penyelidikan.

Konvensyen pada kali ini menghimpunkan seramai 120 orang staf pelaksana daripada semua sistem Perpustakaan UiTM. Dengan keselesaan dan prasarana terbaru Pusat Latihan UiTM ini, peserta konvensyen ini dapat memberikan penumpuan yang lebih baik dan berkesan di samping mewujudkan hubungan baik (*network*) sesama peserta.



## Antara pengisian utama konvensyen ini adalah pendedahan kepada :

1. Peranan kumpulan pelaksana dalam sebuah Perpustakaan Universiti Penyelidikan dan Universiti. Pengalaman ini dikongsi bersama oleh Tuan Haji Pisol, Ketua Pustakawan Universiti Sains Malaysia.
2. Peranan kumpulan pelaksana serta kompetensi, halatuju dan perkembangan perpustakaan-perpustakaan PUiTM, disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Raja Abdullah Yaacob mantan Dekan Pengajian Maklumat UiTM dan Encik Jamalludin Hj, Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Pejabat Ketua Pustakawan PTAR.
3. Bagi memberikan kesedaran dan kefahaman mengenai dasar-dasar dan Perlembagaan Negara, dua siri ceramah telah disampaikan bagi mencapai hasrat tersebut.

Peserta-peserta konvensyen juga telah dibawa melawat ke Perpustakaan Utama Universiti Teknologi Petronas dengan suasana lawatan penuh mesra dan teratur. Peserta-peserta konvensyen kemudian dibawa untuk lawatan riadah ke Bandar Lumut. Dalam ucap-tama pada jamuan makan malam konvensyen ini, Pengerusi Majlis Makan Malam tersebut Encik Mohd Khairul Idzwan Saad dan Encik Badlee Shah, Pengerusi Konvensyen yang juga Pengerusi Kelab Pembantu Perpustakaan mengucapkan ribuan terima kasih atas komitmen hebat jawatankuasa Konvensyen disamping memberikan penghargaan kepada pihak Pengurusan atas daya usaha merapatkan hubungan pihak Pengurusan dan kumpulan pelaksana.

Majlis Makan Malam ini juga diserikan dengan alunan lagu-lagu yang disampaikan oleh Jawatankuasa dan peserta-peserta konvensyen sendiri. Konvensyen ini diakhiri dengan sesi bersama dengan Ketua Pustakawan, Encik Noor Hidayat Adnan, yang mana Ketua Pustakawan dan Encik Jamalludin Sulaiman telah bersoal jawab dengan memberikan maklumat-maklumat terbaru



serta berusaha menangani beberapa isu yang telah diutarakan. Majlis Penutup Konvensyen ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr Abdullah Mohd Said, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UiTM dengan penuh suasana santai tetapi bermakna. Ucapan penutup Yang Berbahagia Dato' yang padat dengan nasihat, sindiran bernas serta pujian amatlah dihargai dan dipandang tinggi oleh peserta-peserta konvensyen. Adalah diharapkan konvensyen seperti ini akan dapat diteruskan lagi dalam usaha mengujudkan hubungan yang lebih mantap dan bermakna antara kumpulan pelaksana dan Pengurusan Perpustakaan.

# Majlis Perjumpaan Pegawai Perhubungan Perpustakaan 2013

oleh Adlina Abdullah



Bahagian Perkhidmatan Rujukan (BPR) telah menganjurkan Taklimat Pegawai Perhubungan Perpustakaan yang bertujuan mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan di antara Fakulti, Jabatan, Bahagian dan Pusat. Objektif program ini bertujuan untuk memberi maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang disediakan. Antara objektif lain ialah memberi maklumat tentang pembangunan bahan dan koleksi perpustakaan serta penambahbaikan yang dilakukan oleh pihak perpustakaan. Secara keseluruhan, Majlis Perjumpaan Perpustakaan yang dilaksanakan pada 18 Jun 2013 yang lalu bertempat di Bilik Seminar PTAR Utama telah menunjukkan kehadiran yang memberangsangkan. Bilangan kehadiran Pegawai Perhubungan Perpustakaan bagi tahun 2013 adalah sejumlah 100 orang. Antara pengisian program adalah penerangan mengenai garis panduan tugas Pegawai Perhubungan Perpustakaan (PPP) dan Senarai PPP, taklimat perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan serta pembangunan bahan /koleksi perpustakaan. Para tetamu juga telah dibawa melawat sekitar perpustakaan diiringi pihak pengurusan PTAR pada sesi sebelah petang.



Para tetamu jemputan memberikan komen memberangsangkan dan mencadangkan beberapa tindakan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk memantapkan Majlis Perjumpaan Pegawai Perhubungan Perpustakaan pada masa akan datang. Kerjasama antara kedua belah pihak amat diharapkan dalam usaha aktiviti promosi melalui Portal PTAR, emel dan sebagainya diperbanyakkan bagi menggalakkan fakulti untuk sentiasa berhubung dengan pihak perpustakaan. Kehadiran para pegawai dan tetamu jemputan dari fakulti dan bahagian amat dihargai untuk dimanfaatkan serta mengeratkan lagi jalinan kerjasama antara kedua-dua belah pihak..

## Carnival E-Learning (UCEL 2013)



Sempena ulang tahun penubuhan ke -5 Pusat I-Learn, satu Karnival E-Learning UiTM 2013 (UCEL 2013) anjuran bersama oleh Pusat i-Learn, INFOTECH dan iNED telah berlangsung pada 3-4 Jun 2013 bertempat di Dewan Seri Budiman dan Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam. Karnival ini merangkumi 3 program utama iaitu pameran, pertandingan dan anugerah e-learning universiti. Antara objektif karnival tersebut adalah:

- Sebagai platform untuk menggalakkan e-learning dan pelaksanaan Pembelajaran secara "Blended learning" kepada semua kakitangan dan pelajar UiTM.
- Sebagai platform untuk pelajar dan kakitangan berkongsi, menyampaikan serta mempromosikan produk inovasi mereka.
- Sebagai sebuah majlis penyampaian anugerah kepada semua warga UiTM dan pelajar bagi pencapaian dan prestasi mereka.

Karnival selama 2 hari itu melibatkan penyertaan dari fakulti, kampus dan vendor yang turut memeriahkan persekitaran pembelajaran e-learning dengan inovasi terkini serta pencapaian elearning oleh fakulti dan kampus berkaitan. Sebanyak 40 booth dibuka dan penyertaan oleh 12 vendor iaitu INTEL, Panopto, Microsoft, ECS, DELL, iSpring, CA Sdn Bhd, eLearning Mind, MTech, VCube, Edaran dan Pestariang. Sebanyak 17 fakulti dan kampus telah menyertai dengan mempamerkan inovasi dan pencapaian yang telah dicapai oleh pensyarah dan pelajar di fakulti/ kampus. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Prof Dr Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor dan dihadiri oleh pengurusan kanan Universiti. Karnival ini berjaya membuktikan bahawa Universiti memiliki kepakaran di kalangan pelajar dan staf yang pelbagai dalam mencipta inovasi dan teknologi seiring dengan perkembangan dan keperluan elearning.

Penyertaan booth PTAR di karnival tersebut adalah sebagai langkah promosi perpustakaan di samping memperkenalkan beberapa perkhidmatan terkini oleh PTAR. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah e-learning 2012 atas pencapaian dan sumbangan yang telah ditunjukkan dalam merealisasikan aspirasi 'blended learning' sebagai persekitaran pembelajaran utama dalam sistem universiti kini.



## “FOOD RETAIL AND INNOVATION 2013” EKSPRESI GABUNGAN FAKULTI PENGURUSAN HOTEL & PELANCONGAN DENGAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)



**Pada 5 Jun 2013,** Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan dengan usahasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan **“Program Food Retail Innovation 2013 : An Approach Towards Food and Retail Development”** yang bertempat di Dataran Perpustakaan Tun Abdul Razak 1.

Program usahasama yang julung kali diadakan di antara Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan dengan PTAR ini adalah merupakan salah satu aktiviti promosi dalam usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung untuk mengunjungi PTAR di samping memberikan pendedahan kepada para jemputan dan para pelajar mengenai isu-isu semasa yang berlaku dalam industri penyediaan makanan di Malaysia.

Program yang dirasmikan oleh Dekan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Profesor Madya Dr. Abdullah Hemdi sambil disaksikan oleh Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan ini telah membawa tema *“Life...Made Better...Retail Your Food”*. Upacara perasmian juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran pihak Pengurusan Kanan PTAR, Pensyarah, warga kerja PTAR dan para jemputan. Program yang berlangsung selama satu hari ini telah menyediakan pelbagai aktiviti antaranya adalah *Food Display, Food Development and Innovation Booth, Food Testing dan Demonstration*. Pihak fakulti juga turut mengadakan *Corporate Talk* yang bertajuk *Issues and Challenges in Retailing* yang disampaikan oleh pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan dan *Food Retail Development* yang disampaikan oleh salah seorang Chef tempatan daripada hotel terkemuka di Malaysia.





## PROGRAM LIBRARY OUTREACH @ FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA

### Shah Alam - Pada 21 Jun 2013

bertempat di aras 10, Blok 5, Bilik Ovel FKK, satu pertemuan secara bersemuka telah diadakan di antara pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK) dalam satu program yang dikenali dengan nama *Library Outreach*.

Program *Library Outreach* ini yang dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Rujukan adalah bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan dalam mewujudkan kesedaran literasi maklumat kepada warga kerja FKK. Selain daripada memberikan pendedahan tentang perkhidmatan PTAR, ianya juga adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada setiap pengguna FKK berkenaan keperluan maklumat yang diperlukan. Di samping segala permasalahan dan isu-isu yang dibangkitkan ianya juga tidak dapat lari daripada tujuan perpustakaan untuk memperkasa dan menambah baik perkhidmatan yang ditawarkan.



Antara pengisian program yang diisi dalam titik pertemuan tersebut adalah ucapan ringkas daripada Ketua Pustakawan UiTM sendiri iaitu Encik Noor Hidayat Adnan diikuti pula oleh taklimat perpustakaan yang disampaikan oleh pegawai perhubungan Perpustakaan Fakulti Kejuruteraan Kimia iaitu Encik Mohd Hazrul bin Mohd Hussin. Sepanjang taklimat yang diadakan ini pihak PTAR telah menyampaikan pelbagai maklumat untuk dikongsi bersama-sama dengan warga FKK antaranya mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan, Langganan Jurnal bercetak, Pangkalan Data Dalam Talian, jumlah judul Langganan *e-Books*, Koleksi Digital Perpustakaan, Koleksi Media, Program, Sokongan Penyelidikan dan Repositori Institusi PTAR. Pihak perpustakaan juga bertukar-tukar pandangan dan berkongsi maklumat dengan FKK mengenai peruntukan bajet dan perbelanjaan perpustakaan yang telah dibelanjakan untuk FKK, Jumlah Koleksi Buku dan Bahan Rujukan Perpustakaan bagi FKK dan Program Usahasama yang sedang dan akan dilaksanakan dengan FKK. Diharapkan program ini *Library Outreach* ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang peranan, tanggungjawab dan perkhidmatan yang di sediakan oleh PTAR dalam membantu para pengguna untuk meluaskan lagi pengetahuan sedia ada mengenai perpustakaan.



## Meraikan Staf Bersara, Staf Baru dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Sukan Perpustakaan IPTA

oleh Nik Lokman Nik Ismail

**PTAR, Shah Alam** – Satu majlis keraihan mengenang jasa bekas warga kerja PTAR serta meraikan staf baru telah diadakan di Bilik Seminar PTAR pada 4hb. Julai 2013 baru-baru ini. Majlis yang diadakan ini adalah khusus untuk meraikan dua orang bekas warga kerja PTAR yang telah bersara, Puan Rabiatur binti Mansur dan Encik Norazman bin Zainal Abidin. Puan Rabiatur binti Mansur yang telah berkhidmat dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM semenjak tahun 1994 telah mengambil skim persaraan wajib apabila genap umur 58 tahun. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara ialah sebagai Pembantu Setiausaha Pejabat Kanan di bawah Pejabat Ketua Pustakawan. Manakala Encik Norazman bin Zainal Abidin pula merupakan bekas warga kerja di INTEC sebelum bertugas sebagai Pembantu Perputakaan di Perpustakaan Pengurusan Perniagaan, PTAR 2 di sini.



Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan dalam ucapan alu-aluannya telah menyatakan bahawa beliau begitu menghargai dan berterima kasih di atas khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh kedua-dua mereka sepanjang berkhidmat di PTAR. Beliau juga turut mendoakan agar kesemua mereka akan sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan dariNya di dalam apa jua bidang dan lapangan yang mereka ceburi dan lakukan nanti..



Puan Rabiatur di dalam ucapan perpisahan beliau turut berpesan agar setiap warga kerja PTAR sentiasa bekerja dengan ikhlas, rajin dan saling membantu di antara satu sama lain agar PTAR bertambah maju di masa yang akan datang. Ucapan perpisahan daripada Encik Norazman pula diselitkan dengan madah yang begitu ringkas yang dilafazkan seperti berikut "Bulat air kerana pembentong, bulat manusia kerana muafakat". Turut mendapat perhatian di dalam majlis yang sama adalah kehadiran beberapa orang staf baru yang mendaftar di PTAR. Dua orang wargakerja baru yang telah melaporkan diri itu adalah Puan Munirah binti Muhammad Izzan yang bertugas sebagai pembantu perpustakaan dan Cik Farleen Azrina binti Zamberi, pustakawan di bahagian Latihan dan Penyelidikan. Selain daripada majlis meraikan staf, turut diadakan adalah majlis penyampaian hadiah kepada staf-staf PTAR yang telah menunjukkan prestasi yang memberansangkan di dalam Kejohanan Sukan Antara Perpustakaan IPTA, LembahKlang. Kejohanan yang dianjurkan buat pertama kali ini diterajui oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menjadi tuanrumah kejohanan. Antara acara yang dipertandingkan adalah Futsal, Bola Jaring, Ping Pong dan Bowling. Pasukan daripada PTAR telah menunjukkan kewibawaan mereka apabila telah berjaya menggondol hadiah sebagai johan di dalam pertandingan futsal dan bowling. Malah untuk jatuhan pin terbanyak dalam acara bowling turut dimenangi oleh staf daripada PTAR. Untuk pasukan pingpong pula, PTAR juga tidak kalah apabila berjaya memasuki ke peringkat akhir dan berjaya meletakkan diri selaku naib johan.



Imbas QR Code ini untuk album penuh

## Program perkongsian maklumat 'HOW TO PUBLISH IN IOP JOURNALS' oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik



Bahagian Perkhidmatan Akademik, Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan dengan kerjasama Research Management Institute dan Syarikat Access Dunia telah berjaya menganjurkan satu program perkongsian maklumat mengenai penerbitan akademik pada 30 Julai 2013 bermula dari jam 9.30 pagi sehingga jam 11.45 pagi bertempat di Pusat IT, Perpustakaan Tun Abdul Razak 1, UiTM Shah Alam. Program ini telah dihadiri oleh 23 orang peserta terdiri dari kakitangan akademik dan pelajar pasca siswazah UiTM. Pengisian program yang berbentuk ceramah berjudul "How To Publish in IOP Journals" telah disampaikan oleh Pengarah Editorial IOP Publishing yang berpejabat di Bristol, United Kingdom iaitu Dr. Nicola Gulley. Hasrat Dr Gulley adalah untuk meningkatkan kemahiran para penyelidik dalam memastikan penulisan mereka terpilih untuk diterbitkan oleh penerbit. Untuk itu, beliau telah berkongsi

maklumat, tip dan idea bersama para peserta tentang cara-cara untuk melancarkan proses penerbitan sesuatu artikel dari peringkat pemilihan jurnal, format penulisan dan gaya persembahan, cara berkomunikasi dengan editor dan lain-lain lagi. IOP Publ merupakan sebuah badan penerbit professional society terkemuka dunia yang menerbitkan lebih dari 60 judul jurnal dalam bidang berkaitan fizik. Oleh itu program ini disasarkan kepada peserta dari bidang fizik gunaan, fizik astronomi, atom, molecular dan optic, kimia, kejuruteraan, matematik, perubatan, sains biologi dan lain-lain. Program ini merupakan salah satu dari program yang dirancang bertujuan untuk menyokong usaha universiti meningkatkan jumlah penerbitan akademik yang berkualiti. Bahagian Perkhidmatan Akademik akan meneruskan kerjasama seumpama ini bersama RMI dan lain-lain penerbit pada masa akan datang mengikut kesesuaian masa dan peserta.

# Latihan Industri Dari Universitas Indonesia

oleh Farleen Azrina Zamberi

Pada 24 Jun 2013, pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak berbesar hati menerima tiga orang pelajar latihan industri daripada jurusan Diploma in Document And Information Management, Universitas Indonesia iaitu Ika Rlstiani, Ghina Aprilliany dan Wilson Lamrodo Hadikesna Sinaga. Mereka telah menjalani latihan industri di PTAR 1 bermula dari 24 Jun sehingga 19 Julai 2013. PTAR telah dipilih sebagai tempat latihan industri kerana UiTM merupakan institusi yang mempunyai reputasi tinggi serta terkenal. Pada hari pertama, taklimat ringkas telah diadakan di Bilik Seminar, PTAR 1 untuk membincangkan lebih lanjut mengenai aktiviti pelajar-pelajar tersebut sepanjang tempoh latihan mereka. Turut serta dalam taklimat tersebut adalah wakil dari pengurusan PTAR, pensyarah dari Fakulti Pengurusan Maklumat dan pensyarah dari Universitas Indonesia.



Dalam masa lebih kurang sebulan, mereka telah ditempatkan di semua bahagian untuk mempelajari lebih lanjut mengenai proses kerja dan fungsi sesebuah bahagian. Mereka juga telah dibawa melawat ke perpustakaan fakulti untuk diberi lebih pendedahan. Atas kerjasama pihak Fakulti Pengurusan Maklumat dan Office International Affairs (OIA) UiTM, mereka juga telah diberi kesempatan untuk melawat Bank Negara, Arkib Negara dan Perpustakaan Tun Raja Uda, Selangor. Ternyata tempoh sebulan tidak dirasai kerana mereka telah menamatkan tempoh latihan industri di PTAR 1 pada 19 Julai 2013. Sebagai tanda kenangan, Encik Noor Hidayat Adnan selaku Ketua Pustakawan UiTM telah menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati.



## LAWATAN KERJA POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABD. AZIZ SHAH (PSA) KE PTAR1



**Shah Alam** – Seramai sembilan orang peserta daripada Unit Perpustakaan Politeknik Sultan Salahuddin Abd. Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor telah mengadakan satu lawatan kerja di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM pada **22 Mei 2013**. Kunjungan daripada PSA tersebut telah diketuai oleh Pustakawan Kanan iaitu Puan Siti Fatimah Wahab sambil diiringi oleh seorang pegawai perpustakaan dan seorang penolong pegawai perpustakaan. Turut hadir bersama beliau juga ialah enam orang pembantu perpustakaan daripada pelbagai bahagian. Antara objektif utama lawatan di adakan adalah untuk menambah pengetahuan pihak PSA tentang pengurusan perpustakaan akademik selain dapat bertukar pandangan dan pendapat dengan pihak PTAR dalam usaha untuk menambahbaik sistem pengurusan yang sedia ada di PSA.

Sepanjang kunjungan tersebut pihak PSA telah diberikan penerangan oleh pegawai-pegawai PTAR di dalam memahami perjalanan pengurusan PTAR dalam setiap jabatan dan unit yang terdapat di sini. Para tetamu juga turut dibawa melawat ke setiap tingkat bangunan PTAR agar dapat melihat dengan sendiri perjalanan sistem pentadbiran, pengurusan dan juga teknologi yang digunapakai oleh PTAR.

Melalui sesi pertemuan yang diadakan ini juga, pihak PSA dapat berhubung mesra dan membina rangkaian komunikasi dengan pegawai-pegawai PTAR yang ditemui. Malah dengan sesi suaikenal ini, sekurang-kurangnya pihak PSA tahu dengan siapa mereka boleh berhubung jika terdapat sebarang masalah atau pertanyaan mengenai pengurusan akademik di mana-mana bahagian di PTAR pada masa akan datang.

## Majlis Bacaan Yasiin & Tahlil Beserta Tazkirah



## Program Bubur Lambuk



Imbas QR Code ini untuk album penuh

## Akreditasi SUG oleh Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)



Imbas QR Code ini untuk album penuh

## Lawatan Unit Perpustakaan, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Ipoh (Hulu Kinta, Perak)



Imbas QR Code ini untuk album penuh

## Majlis Sambutan Hari Raya PTAR 2013



Imbas QR Code ini untuk album penuh

## LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PTAR SEPANJANG APRIL 2013 – JULAI 2013



Sepanjang April 2013 sehingga Julai 2013 beberapa buah sekolah telah membuat lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Tun Abdul Razak. Semasa lawatan, pelajar telah dibawa melawat ke sekitar PTAR sambil diberikan penerangan ringkas oleh staf Unit Promosi Perkhidmatan, Bahagian Perkhidmatan Rujukan Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Salah satu tujuan utama lawatan sambil belajar ni diadakan adalah untuk mendedahkan pentingnya kewujudan perkhidmatan Perpustakaan kepada semua orang. Diharapkan para pelajar yang terlibat dengan lawatan sambil belajar ini dapat memanfaatkan segala ilmu yang diperolehi semasa lawatan tersebut.



#### APRIL

26 April 2013

11.00 Pagi

Seramai 36 orang pelajar dan 4 orang guru pengiring daripada **Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gading, Batu Pahat, Johor** telah mengadakan lawatan sambil belajar ke PTAR. Tujuan lawatan adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar tentang kemudahan dan perkhidmatan yang boleh didapati di PTAR.

#### JUN

17 Jun 2013

11.00 Pagi

Pihak PTAR telah menerima lawatan sambil belajar daripada **Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Gadong, Klang** yang disertai oleh 40 orang Pengawas Pusat Sumber Sekolah dan 4 orang guru pengiring. Tujuan lawatan adalah untuk menimbulkan minat untuk belajar dan pengetahuan kepada pelajar tentang kemudahan dan perkhidmatan yang boleh didapati di PTAR untuk kejayaan di masa hadapan.

21 Jun 2013

3.00 Petang

Seramai 28 orang Pengawas Pusat Sumber dan 6 orang guru pengiring daripada **Sekolah Menengah Vokasional Kuantan** telah mengadakan lawatan sambil belajar ke PTAR. Tujuan lawatan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan dengan pengurusan Perpustakaan seperti pinjaman bahan, perkhidmatan rujukan, pemuliharaan bahan dan lain-lain kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan.

#### JULAI

3 Julai 2013

11.30 Pagi – 1.00 Petang

PTAR telah menerima lawatan daripada 6 buah sekolah terdiri daripada 150 orang pelajar dan 6 orang guru pengiring. Lawatan sambil belajar ini adalah sempena dengan lawatan pelajar-pelajar Projek Sekolah Angkat UiTM-CIMA ke Jabatan Perakaunan Profesional, anjuran Jabatan Pengajian Perakuanan Profesional, Fakulti Perakaunan UiTM Shah Alam. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah :-

1. **Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 9, Shah Alam**
2. **Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18, Shah Alam**
3. **Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 7, Shah Alam**
4. **Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah, Seksyen 2, Shah Alam**
5. **Sekolah Menengah Sains Alam Shah, Kuala Lumpur**
6. **Sekolah Menengah Sains Seri Puteri, Kuala Lumpur**

Tujuan lawatan ini juga adalah untuk mengisi slot "*Faculty & Menara SAAS Tour*".



## Program Usahasama Fakulti Pengurusan Maklumat & PTAR oleh Siti Salwa A. Rahman



**Pada 22 Julai 2013** bertempat di Bilik Perbincangan Learning Commons telah berlangsung satu perbincangan mengenai cadangan Program Usahasama di antara Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) dengan PTAR dalam usaha untuk memajukan profesion pustakawan. Turut serta dalam perbincangan kertas kerja tersebut adalah Encik Zaihan Hussin, Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar, Puan Hasnah Abdul Rahim, Prof. Madya Hamidah A Rahman, Dr. Siti Arpah Noordin dan Dr. Mad Khir Johari. Sementara PTAR diwakili oleh Ketua Pustakawan, Encik Noor Hidayat Adnan dan Ketua Timbalan Pustakawan, Puan Faridah Talib.

Pengisian perbincangan tersebut meliputi beberapa bentuk cadangan kerjasama seperti latihan industri untuk pensyarah-pensyarah baharu dan pelajar sarjana muda, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti anjuran PTAR serta jalinan kerjasama dalam penghasilan penyelidikan dan penganjuran persidangan. Turut mendapat perhatian adalah sumbangan artikel dan hasil penyelidikan di dalam bidang pengurusan maklumat daripada pustakawan

PTAR untuk dimuatkan dalam jurnal terbitan FPM seperti *Informika* dan *Journal of Information & Knowledge Management*. FPM dan PTAR telah sekian lama mengadakan beberapa program kerjasama dan sentiasa mencari peluang untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak industri luar. Inisiatif pihak fakulti adalah untuk meningkatkan kompetensi para pensyarah dengan pengalaman dan skil dan pada masa yang sama menyediakan platform untuk mendedahkan para pelajar ke dunia sebenar alam pekerjaan. Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan berpendapat, jalinan kerjasama yang sedia ada akan diperkembangkan lagi dengan beberapa penambahan aktiviti kolaborasi antara PTAR dan FPM. Perancangan Program Usahasama ini dilihat mampu memberi manfaat dan faedah untuk kedua-dua belah pihak untuk menyokong objektif Universiti untuk melahirkan pensyarah serta pelajar berkualiti.

## Citation Management With Endnotes X6 And Mendeley



Citation Management With Endnotes X6 And Mendeley bagi pelajar pasca siswazah telah berjaya dijalankan pada 29 Ogos 2013 jam 8.30 hingga 12.30 tengahari bertempat di Bilik 2, Pusat IT, PTAR 1. Seramai 44 orang pelajar pasca siswazah terlibat di dalam program kali ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar sarjana dan PhD daripada pelbagai semester pengajian.

Taklimat ini telah dijalankan oleh Puan Siti Rohayu Mohd Yusof dan Encik Shahrol Nizam Johol, pustakawan dari Bahagian Perkhidmatan Akademik. Antara

pengisian yang telah disampaikan ialah asas penggunaan perisian Endnote X6 dan Mendeley.

Adalah diharapkan melalui sesi ini dapat membantu dan memberi pendedahan kepada pelajar pasca siswazah yang pertama kali mempelajari penggunaan kedua-dua perisian ini. Selain itu, ianya bertujuan untuk membantu pelajar menguruskan bahan-bahan rujukan mereka dengan lebih sistematik dan baik semasa menghasilkan penyelidikan.

# STRESS

Di olah semula oleh Jamalludin Sulaiman

## Menguruskan Tekanan Kerja Dengan Bijak

**Tekanan ( stress ) boleh bertambah jika seorang tidak dapat menyesuaikan diri dengan tekanan kerja yang melangkaui kemampuan dan pengetahuan yang ada. Untuk itu, bertindak bijak mengawal tekanan dengan :**

- Meningkatkan sokongan sosial di tempat kerja
- Mengamalkan fikiran dan hubungan yang positif.
- Berkomunikasi dengan baik.
- Menghadapi kritikan dengan sewajarnya.
- Mengatasi masalah dengan berkesan.
- Mengamalkan pengurusan masa yang teratur.
- Mempelajari kaedah bertenang yang sesuai dengan diri.
- Mengamalkan gaya hidup sihat (senaman, pemakanan seimbang, tidak merokok).

### Manusia Positif

- Bertanggungjawab atas sesuatu yang dibuatnya dan membuat tindakan berdasarkan nilai dan bukan perasaan
- Boleh berusaha di mana sahaja ia ditempatkan.
- Bijak menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran
- Membuat tindakan berdasarkan kebijaksanaan
- Menggunakan pelbagai pilihan atau alternative bila membuat sesuatu
- Mempunyai misi yang jelas dalam mengusahakan sesuatu dalam kehidupannya.

### Tanda pekerja yang menghadapi tekanan atau stress :

- Tingkah laku yang agresif
- Tidak gembira
- Berasa marah dan geram
- Kecewa
- Kurang memberikan tumpuan pada pekerjaan
- Berasa diri tiada harapan
- Kurang motivasi diri
- Gelisah dan risau berlebihan
- Mempunyai masalah tidur
- Merokok dengan berlebihan
- Kurang berminat dalam aktiviti yang dilakukan
- Sakit kepala atau sakit badan
- Tidak dapat membuat keputusan
- Cepat marah



## Mengurus Tekanan Di Tempat Kerja

Tekanan di pejabat kadangkala timbul disebabkan oleh persekitaran tempat kerja dan jenis kerja itu sendiri. Sebab itu walaupun telah bertahun-tahun menceburi sesuatu bidang kerjaya, tidak semestinya kita senantiasa bergembira ditempat kerja.

### Antara cara menghadapi tekanan di tempat kerja :

#### 1. Ubah ruang kerja anda kepada persekitaran yang paling menarik

- Walaupun ruang kerja anda kecil, anda boleh mengawal beberapa aspek ruang fizikal yang ada seperti penataan cahaya, kualiti udara dan warna yang lembut.

#### 2. Atasi Kebisingan

- Putuskan sama ada anda selesa dengan bunyi di sekeliling anda dan ambil langkah mengurangkan atau hapuskan terus bunyi bising yang mengganggu. Pengurangan bunyi bising yang berlebihan boleh melegakan tekanan.

#### 3. Kurangkan pengambilan kafein

- Bukan sahaja ia menyebabkan ketagihan, malah ia merupakan stimulant yang cukup dikenali dengan potensi menaikkan kadar tekanan anda.
- Jika sukar untuk membendung tabiat minum kopi, cuba selang-selikan pengambilan minuman berkafein dengan air mineral atau the tanpa kafein.

#### 4. Luangkan masa untuk menghirup udara bersih.

- Sekiranya tingkap pejabat tidak boleh dibuka, gunakan sekurang-kurangnya sebahagian dari masa rehat anda diluar.

#### 5. Berehat

- Walaupun ia agak mustahil untuk sebahagian besar daripada kita, namun sekiranya berpeluang, cubalah tidur sebentar ( power nap )
- Tidur selama 10 minit selepas makan tengah hari boleh meningkatkan keceriaan dan produktiviti anda.

#### 6. Pelajari senaman ringkas untuk melegakan otot kejang dan pengedaran darah

#### 7. Jangan menjadi "hamba" e-mel – kekerapan menulis dan menjawab e-mel boleh mengurangkan kadar produktiviti dan meningkatkan tekanan.

#### 8. Jangan berlapar – perut yang lapar boleh membuat anda mengambil makanan ringan secara berlebihan kerana untuk menghadapi tekanan, anda memerlukan tenaga yang banyak.

**Sumber : Your Guide to Stress Management ( [stress.about.com](http://stress.about.com) )**